

# PEMODENAN DAN PEMBENTUKAN KELUARGA MELAYU DI BANDAR

*(The Modernization and Formation of Urban Malay Families)*

*HanXiao@Indah*  
hanxiao@bfsu.edu.cn

Jabatan Pengajian Melayu,  
Beijing Foreign Studies University,  
Beijing, Republik Rakyat China.

## **Abstrak**

Makalah ini akan menguji kesesuaian hipotesis dalam teori pemodenan keluarga (yang menggabungkan teori evolusi dan teori fungsional) terhadap masyarakat Melayu bandar di Malaysia dalam aspek cara memilih pasangan, umur berkahwin, jarak umur pasangan, dan bentuk keluarga. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kerja lapangan. Rumah pangsa 17 tingkat yang terletak di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur dipilih sebagai tempat kajian. Data primer adalah dengan berdasarkan soal selidik dan temu bual terhadap 47 buah keluarga Melayu berpendapatan rendah yang menetap di rumah pangsa tersebut. Meskipun kajian mendapati pembentukan keluarga Melayu di bandar mengulangi pengalaman negara Barat yang mengalami perubahan mendadak kesan perindustrian dan perbandaran, namun peranan dan pengaruh nilai dan norma tradisi masyarakat Melayu yang diwarisi turun-temurun masih dipertahankan oleh komuniti Melayu di bandar.

Kata kunci: teori pemodenan keluarga, perindustrian dan perbandaran, pembentukan keluarga Melayu, perubahan

## **Abstract**

*This study will evaluate the suitability of the family modernization theory (a combination of evolutionary and functional theory) for studying urban Malay communities in Malaysia, in terms of spousal selection, marriageable age, age difference between spouses, and family formation. Library research and field*

*work were both used in this study. The study focused on a 17-storey block of flats in Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur. The primary data in this study was obtained through surveys and interviews conducted with 47 low-income Malay families residing in this block of flats. Although the study shows that the formation of families replicates that of the Western model, and similarly has experienced sudden changes as a result of industrialization and urbanization, the handed-down roles and influence of the values and norms of traditional Malay society are still upheld by urban Malays.*

*Keywords: family modernization theory, urbanization and industrialization, Malay family formation, change*

## **PENDAHULUAN**

Proses perindustrian bermula di Malaysia pada tahun 1950-an dan 1960-an. Sejak tahun 1970-an, kerajaan mula menitikberatkan pertumbuhan industri yang lebih pesat bagi memenuhi keperluan pekerjaan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pada masa yang sama, bagi mengurangkan jurang ekonomi antara pelbagai kaum, terutamanya antara kaum Melayu dengan kaum Cina, kerajaan menggalakkan orang Melayu berhijrah ke bandar untuk mencari rezeki dan meningkatkan taraf hidup. Sebagai titik permulaan, kehidupan dan tingkah laku orang Melayu di bandar mengalami perubahan drastik jika dibandingkan dengan ibu bapa mereka yang menetap di luar bandar. Selama ini, teori pemodenan keluarga yang dikemukakan oleh sarjana Barat digunakan dengan meluas untuk menganalisis perubahan keluarga dalam masyarakat industri. Teori ini telah menyenaraikan beberapa perubahan keluarga yang terjadi di negara Barat. Lantaran itu, makalah ini akan melihat sejauh manakah hipotesis tersebut sesuai dengan perubahan pembentukan keluarga Melayu di bandar, khususnya untuk negara Timur berbanding dengan pengalaman negara Barat.

## **LATAR BELAKANG TEORI PEMODENAN KELUARGA**

Teori pemodenan keluarga merupakan gabungan teori evolusi dan teori fungsional yang memfokuskan kesan kemajuan teknologi terhadap masyarakat tradisi. Menurut teori ini, perkembangan masyarakat moden merupakan proses perubahan daripada tradisi kepada moden.

Teori pemodenan keluarga digunakan dengan meluas dalam bidang kajian keluarga dan kekeluargaan. Teori klasik pemodenan keluarga yang popular sebelum tahun 1970-an menekankan bahawa moden lebih baik daripada tradisi. Dengan kata lain, moden dan tradisi saling bertentangan. Selain itu, proses perubahan keluarga di seluruh dunia akan mengulangi sejarah perubahan keluarga di Barat tanpa mengira perbezaan sejarah, tradisi dan budaya masing-masing. Dalam hal ini, perubahan keluarga akibat perindustrian sememangnya tidak dapat dielakkan. Sistem keluarga dan tingkah laku keluarga dianggap sebagai pemboleh ubah bebas yang berubah seiring dengan perindustrian dan perkembangan ekonomi. Teori ini juga mengemukakan perubahan pembentukan keluarga dari beberapa aspek. Antaranya termasuklah anak-anak mempunyai kebebasan untuk menentukan pasangan hidup, umur berkahwin bagi kaum wanita kian meningkat; jarak umur pasangan menjadi lebih kecil; dan sistem keluarga tradisi menjadi semakin terhakis tetapi sebaliknya keluarga asas menjadi dominan (Goode, 1964; Parsons, 1943).

Namun, pada tahun 1970-an, teori klasik pemodenan keluarga banyak dikritik kerana negara membangun telah menunjukkan perubahan keluarga yang pelbagai. Lantaran itu, penyokong dan pengikut teori tersebut telah membentuk teori baharu pemodenan keluarga (Ma dan Li, 2013). Mengikut teori ini, dalam proses perubahan keluarga, tradisi dan moden tidak bertentangan tetapi boleh mewujudkan suasana harmoni. Selain itu, perubahan keluarga bukan disebabkan oleh perindustrian dan perbandaran sahaja, tetapi juga oleh unsur bukan ekonomi seperti budaya, nilai dan norma sesebuah masyarakat.

Makalah ini akan menghuraikan perubahan pembentukan keluarga Melayu berpendapatan rendah di bandar dengan melihat hubungan tradisi dan moden berlandaskan teori baharu pemodenan keluarga.

## **PEMBENTUKAN KELUARGA DALAM MASYARAKAT MELAYU TRADISI**

Masyarakat Melayu tradisi di Malaysia merupakan masyarakat tani. Kegiatan ekonomi yang utama adalah dengan menanam padi bagi kawasan pedalaman dan menangkap ikan bagi kawasan persisiran pantai. Orang Melayu pada masa itu masih mengamalkan cara hidup tradisional, termasuk dalam soal perkahwinan. Untuk memperlihatkan perubahan pembentukan keluarga Melayu di bandar dengan lebih jelas, makalah ini akan menghuraikan pembentukan keluarga Melayu dalam masyarakat tradisi terlebih dahulu.

## Cara Memilih Pasangan

Pada teorinya, perkahwinan masyarakat Melayu tradisi diatur oleh orang tua (Banks, 1983:146). Lazimnya, apabila anak teruna telah cukup umur untuk berkahwin, ibu bapa sudah mula berbincang tentang perkahwinan. Jika mereka telah mempunyai calon menantu idaman, pihak lelaki akan menghantar satu rombongan meminang ke rumah gadis tersebut. Jika tidak mempunyai calon pilihan, ibu bapa teruna akan meminta pertolongan daripada orang tengah untuk mencari calon isteri yang sesuai untuk anak lelaki mereka. Bagi gadis pula, bapa wajib memilih pasangan untuk anak gadisnya. Dalam hal ini, sudah tentulah bapa sebagai wali tidak patut mengahwinkan anak gadisnya dengan lelaki yang kaki perempuan atau lelaki yang buruk budi pekertinya (Firth, 1966:45).

Lazimnya, tuan punya badan tidak berhak memilih pasangan hidup dan hanya akan mengikut kehendak ibu bapa sahaja. Namun, kajian Strange (1976) membuktikan bahawa anak gadis tersebut boleh bersuara dalam perkara ini tetapi pihak teruna berhak membuat keputusan. Menurut Swift (1965), sesetengah teruna tidak menggunakan peluang yang diberikan untuk mengetahui atau sekurang-kurangnya melihat gadis yang dicadangkan oleh ibu bapanya. Meskipun demikian, pada umumnya, persetujuan akan diperoleh daripada lelaki dan perempuan yang bakal menjadi suami isteri terlebih dahulu. Andainya perkahwinan yang diatur mendapat tentangan hebat daripada pasangan tersebut, mereka tidak akan disatukan, kecuali jika didesak oleh ibu bapa mereka. Meskipun demikian, pada masa itu, jarang-jarang berlaku anak melawan kehendak ibu bapa mereka (Strange, 1976).

## Umur Berkahwin

Ibu bapa dalam kalangan masyarakat Melayu luar bandar sangat gemar mencari jodoh untuk anak mereka. Perkahwinan anak diatur pada usia muda kerana mereka menganggap tugas mengatur perkahwinan anak merupakan tanggungjawab mereka di sisi agama dan adat. Sebagai contoh, masyarakat Melayu Kelantan lumrahnya akan mengahwinkan anak perempuan mereka seawal mungkin, biasanya selepas akil baligh (Firth, 1966:44). Bagi anak lelaki pula, jodoh akan dicari dan perkahwinan akan diatur sebaik-baik sahaja mereka berkemampuan mencari nafkah. Sementara itu, di Padang Lalang, Kedah pada tahun 1960-an, perempuan dikahwinkan dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 20 tahun, manakala lelaki secara idealnya berumah tangga pada umur 18 tahun hingga 22 tahun (Masuo *et al.*, 1979). Menurut Strange

(1976), di Terengganu (pada tahun 1965) secara puratanya anak gadis berkahwin ketika berumur 17 tahun, manakala anak teruna pula ketika berumur 19 tahun.

Perkahwinan pada usia muda bertujuan menjaga kesucian anak gadis dan untuk menghindari zina yang sangat keji dalam masyarakat Melayu, lebih-lebih lagi dalam agama Islam. Perkahwinan merupakan satu-satunya bentuk hubungan seks yang dihallowkan dalam Islam yang dapat memenuhi keperluan seksual antara lelaki dengan perempuan. Banks (1983) menyatakan bahawa orang Melayu secara terbuka mengakui tekanan seksual dan keinginan untuk melepaskan nafsu syahwat menjadi dorongan utama terhadap tingkah laku manusia. Oleh sebab itu, ibu bapa akan mengatur perkahwinan anaknya lebih awal supaya masalah dorongan seksual dapat diselesaikan. Pada tanggapan masyarakat Melayu, seseorang anak itu harus dikahwinkan apabila tekanan seksualnya telah nampak ketara dan sebelum berlakunya perbuatan yang keji. Oleh itu, anak gadis yang telah mencapai umur 18 tahun atau lebih harus dikahwinkan secepat mungkin kerana pada peringkat ini anak gadis tersebut sudah bernafsu dan terdorong melakukan zina (Banks, 1983).

Dalam masyarakat Melayu, berkahwin lambat akan mendatangkan gosip dan masyarakat akan memandang serong terhadap seseorang anak gadis. Anak gadis yang sudah berusia 25 tahun ke atas tetapi masih belum dipinang orang disifatkan sebagai lambat kahwin atau “berat jodoh”. Hal ini amat membimbangkan ibu bapa kerana takut anak gadisnya diberikan gelaran yang kurang menyenangkan seperti “andartu” atau “anak dara tua”. Anak lelaki pula menghadapi tekanan yang lebih besar berbanding dengan perempuan kerana fenomena teruna yang terus membujang dianggap sebagai suatu cabaran moral dalam masyarakat Melayu tradisi.

### **Jarak Umur Suami Isteri**

Peribahasa Melayu seperti “bagai tanduk bersendi gading” dan “seperti cincin dengan permatanya” memberikan gambaran bahawa masyarakat Melayu tradisi sangat mementingkan sekufu antara pasangan suami isteri kerana jodoh yang sesuai akan menjamin kehidupan keluarga yang bahagia dan stabil. Umur adalah antara faktor yang akan dipertimbangkan untuk mengukur kesesuaian pasangan yang bakal menjadi suami isteri.

Menurut nilai dan norma masyarakat Melayu tradisional, suami harus lebih tua daripada isteri yang boleh dikesan daripada panggilan antara mereka, iaitu antara “abang” dengan “adik”. Gabungan ini ada logik dan kebaikannya. Jika dilihat pada keadaan fizikalnya, perempuan akan cepat kelihatan berusia akibat melahirkan anak

dan menurunnya sel wanita. Jika dilihat dari segi kuasa dalam keluarga pula, isteri akan tetap menghormati suami kerana perbezaan umur dan selaras dengan tuntutan agama.

Djamour (1979) menyatakan bahawa bagi perkahwinan pertama sebaik-baiknya hanya terdapat sedikit perbezaan umur antara suami dengan isteri, iaitu suami hendaklah lebih tua dua atau lima tahun daripada isteri. Boleh dikatakan perbezaan umur yang ketara antara suami dengan isteri dalam perkahwinan pertama jarang-jarang berlaku dalam masyarakat Melayu tradisi.

### **Bentuk Keluarga**

Jika dilihat dari aspek bentuk keluarga, secara umumnya keluarga Melayu boleh dibahagikan kepada keluarga luas (*extended family*) dan keluarga asas (*nuclear family*). Keluarga luas terdiri daripada dua keluarga asas atau lebih yang tinggal di dalam satu rumah. Gabungan keluarga ibu bapa dan keluarga anak-anak yang telah berkahwin akan menjadikannya sebuah keluarga luas. Keluarga asas pula dianggotai oleh pasangan suami isteri yang tinggal bersama anak-anak mereka yang belum berkahwin. Keluarga jenis ini merupakan unit yang paling penting dalam organisasi kekeluargaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam masyarakat Melayu luar bandar terdapat bilangan keluarga asas yang besar. Menurut Djamour (1979), terdapat 26 buah keluarga Melayu (54.2 peratus) daripada 48 buah keluarga Melayu di Kampung Tanjung, Singapura merupakan keluarga asas. Firth (1966) membuktikan bahawa keluarga asas, iaitu ibu bapa dan anak-anak merupakan jenis keluarga yang paling dominan di Kelantan, manakala keluarga luas termasuk datuk nenek dan anak cucu merupakan bilangan keluarga yang kedua terbanyak. Zainal (1969) juga menunjukkan bahawa antara 93 buah keluarga yang berada di sebuah kampung Melayu di Melaka, terdapat 34 buah keluarga yang merupakan keluarga asas. Keadaan dalam masyarakat Negeri Sembilan yang mengamalkan adat perpatih juga sama seperti negeri-negeri lain. Menurut Swift (1965), di Negeri Sembilan terdapat 71 buah keluarga dan 33 daripadanya merupakan keluarga asas.

Meskipun demikian, keluarga asas dalam masyarakat Melayu luar bandar tidak terlepas daripada kawalan dan kongkongan sistem keluarga luas, jika tinggal berdekatan dengan ibu bapa walaupun tidak tinggal serumah. Oleh itu, dari segi bentuk, keluarga tersebut merupakan keluarga asas tetapi dari segi organisasinya, bentuk keluarga ini termasuk dalam sistem organisasi keluarga luas (Yaacob, 1995).

## PEMBENTUKAN KELUARGA MELAYU DI BANDAR

Sejak proses perindustrian dan perbandaran bermula di Malaysia, perkembangan ekonomi dan struktur sosial di bandar telah membawa banyak perubahan kepada institusi keluarga Melayu di bandar, terutama dalam aspek pembentukan keluarga. Perubahan drastik hubungan tradisi dan moden dalam masyarakat Melayu di bandar dapat dikesan dengan jelas.


Rumah pangsa 17 tingkat yang terletak di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tempat kajian. Data berdasarkan soal selidik dan temu bual terhadap 47 buah keluarga Melayu berpendapatan rendah yang menetap di rumah pangsa tersebut. Kesemua responden merupakan masyarakat Melayu yang beragama Islam yang terdiri daripada guru, kerani, peniaga kecil, pemandu teksi, pekerja kilang dan buruh kasar.



**Rajah 1** Rumah pangsa 17 tingkat di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur.

### Cara Memilih Pasangan

Dalam mana-mana masyarakat, perkahwinan merupakan perkara penting bagi setiap anggotanya. Jodoh tidak datang menggolek, tetapi mesti dicari. Namun, soal mencari jodoh dalam masyarakat Melayu di bandar lain pula keadaannya berbanding dengan masyarakat Melayu tradisi. Daripada 47 pasangan suami isteri, terdapat 13 pasangan (27.66 peratus) yang perkahwinan mereka diatur oleh orang tua, manakala selebihnya, iaitu sebanyak 34 pasangan (72.34 peratus) berkahwin atas pilihan sendiri seperti yang tertera dalam Rajah 2.



**Rajah 2** Cara memilih pasangan suami isteri.

Hal ini berlaku kerana suasana di bandar jauh berbeza daripada masyarakat tradisi di luar bandar. Di luar bandar, lelaki dan perempuan muda tidak diberikan peluang untuk mempunyai hubungan sosial sesama mereka. Pada hakikatnya, dalam masyarakat tradisi, segregasi sosial antara mereka yang bukan suami isteri adalah sangat ketara. Di bandar pula, cara memilih pasangan telah berubah akibat proses perbandaran dan pemodenan. Suasana bandar yang terbuka menyebabkan penduduk mempunyai ramai kenalan. Mereka bebas untuk berkenalan dengan individu yang jauh berbeza dari pelbagai aspek. Kepelbagaian sosial di bandar disifatkan oleh Wirth (1938) seperti yang berikut:

*The city has thus historically been the melting-pot of races, peoples, and cultures and a most favourable breeding ground of new biological and cultural hybrids. It has not only tolerated but rewarded individual differences. It has brought together people from the ends of the earth because they are different and thus useful to one another, rather than because they are homogeneous and like-minded.*

(Wirth, 1938:10)

Oleh itu, dalam kalangan calon suami atau isteri, seseorang boleh menapis dan memilih pasangan yang paling sesuai sebagai teman hidupnya. Akibatnya, penduduk di bandar bebas daripada sistem atau peraturan perkahwinan tradisi di luar bandar (Ma dan Li, 2013).



Selain itu, penduduk komuniti dalam masyarakat tradisi saling mengenali antara satu dengan yang lain. Bukan setakat itu sahaja, mereka juga mengenali keluarga dan latar belakang seseorang dengan lebih mendalam seperti yang dinyatakan oleh Baber:

*When a girl's father could say of her admirer, I've known his paw and maw from the time he was a little tyke, and they've always been honest, hard-working people, he had a satisfactory basis upon which to judge the young man's family background.*

(Baber, 1953:139)

Namun, ibu bapa di bandar pada hari ini sukar untuk mendapatkan maklumat tentang keluarga dan latar belakang bakal pasangan hidup yang dipilih oleh anak mereka. Keadaan ini terjadi kerana ciri hidup di bandar yang bersifat ketanpanamaan (anonimiti), iaitu salah satu akibat negatif di bandar yang disebabkan oleh proses perindustrian (William, 1968). Lantaran itu, ibu bapa terpaksa menilai bakal menantu berdasarkan sikap yang ditunjukkan terhadap mereka. Dalam keadaan ini, anak-anak di bandar terpaksa mengambil keputusan sendiri dalam hal perkahwinan mereka.

Sungguhpun perkahwinan pilihan sendiri berdasarkan kemahuan dan kehendak anak-anak, namun hal ini tidak bererti pandangan orang tua tidak diambil kira lagi. Sebaliknya, orang Melayu sangat mementingkan pandangan orang tua dalam hal perkahwinan. Pasangan yang bakal menjadi suami isteri akan meminta restu daripada orang tua masing-masing. Orang Melayu percaya hanya perkahwinan yang mendapat restu daripada orang tua boleh bahagia dan berkekalan hingga anak cucu.

Buktinya, responden yang merupakan seorang gadis berumur 21 tahun telah memutuskan pertunangannya meskipun telah setahun bercinta kerana ibunya tidak menyukai perangai tunangnya yang suka menipu jiran dan saudara-maranya yang ingin membeli kereta. Menurut gadis itu, "Mak saya cukup marah dengan tunang saya itu. Nak buat macamana kan, apa gunanya jika mak kita tak suka?"

Walaupun memilih pasangan atas kemahuan diri sendiri telah menjadi trend dalam kalangan orang Melayu di bandar, namun perkahwinan atas pilihan orang tua masih berlaku kerana telah menjadi tradisi orang Melayu turun-temurun. Orang Melayu mempercayai ibu bapa "lebih banyak makan garam" dalam hidup. Oleh itu, mereka pastinya memilih pasangan yang paling sesuai untuk anak-anak. Seorang informan lelaki dari Terengganu yang mengahwini perempuan pilihan orang tuanya berkata, "Orang tua pasti pilih orang yang terbaik untuk kita, betul tak?" Ditanya sama ada kasih sayang wujud antara beliau dengan isteri, "Lama-lama ada juga", jawab lelaki itu yang telah dikurniakan seorang cahaya mata.

## Umur Berkahwin

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, berkahwin awal merupakan satu amalan dalam masyarakat Melayu. Keadaan ini berbeza di kawasan desa yang sederhana, perkahwinan menjadi perkara kedua penting selepas tanggungjawab menyara diri. Hal ini tergambar dalam simpulan bahasa Cina yang menyebut “*bǎo nuǎn sī yín yù*” yang bermaksud “apabila keperluan asasi seseorang telah dipenuhi, beliau mula mengkehendaki kepuasan dari segi seksual pula”.

Namun begitu, kehidupan di bandar yang kompleks dan penuh dengan cabaran telah mendatangkan pelbagai tekanan kepada individu sehingga menyebabkan umur berkahwin bagi perkahwinan pertama semakin meningkat tanpa mengira jantina. Jadual 1 menunjukkan jumlah responden lelaki yang berkahwin antara umur 26 tahun hingga 30 tahun bagi perkahwinan pertama mencatatkan jumlah yang paling besar,<sup>1</sup> iaitu sebanyak 22 orang (51.2 peratus). Kebanyakan anak perempuan pula berkahwin dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 25 tahun, iaitu sebanyak 21 orang (48.8 peratus). Walau bagaimanapun, terdapat lima orang responden (11.6 peratus) yang berkahwin buat pertama kali pada usia yang agak tua, iaitu 31 tahun ke atas, manakala perempuan yang berkahwin lewat adalah antara umur 26 tahun hingga 35 tahun sebanyak enam orang (14 peratus). Angka tersebut menunjukkan bahawa berkahwin lambat merupakan suatu fenomena yang berleluasa dalam kalangan masyarakat Melayu di bandar.

**Jadual 1** Umur berkahwin masyarakat Melayu di bandar.

Lingkungan Umur (Tahun)	Bilangan Suami	Peratus (%)	Bilangan Isteri	Peratus (%)
20 ke bawah	1	2.3	16	37.2
21-25	15	34.9	21	48.8
26-30	22	51.2	3	7.0
31-35	3	7.0	3	7.0
36-40	1	2.3	0	0.0
41 ke atas	1	2.3	0	0.0
Jumlah	43	100	43	100

Pada hakikatnya, fenomena berkahwin lambat sudah tidak asing lagi bagi masyarakat Malaysia dan telah menarik perhatian pelbagai lapisan masyarakat. Menurut *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010*, min umur

perkahwinan pertama bagi lelaki menurun kepada 28 peratus setahun berbanding dengan 28.6 peratus setahun pada tahun 2000. Namun begitu, umur perkahwinan pertama bagi perempuan meningkat kepada 25.7 peratus setahun berbanding dengan 25.1 peratus setahun pada tahun 2000. Faktor pekerjaan, pendidikan dan kewangan adalah antara penyebab trend berkahwin lambat ini berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu di bandar.

Dalam masyarakat tradisi luar bandar, penduduk terlibat dengan kerja pertanian seperti menanam padi, menangkap ikan, menoreh getah, dan sebagainya. Lazimnya, pendapatan antara seorang penduduk dengan seorang penduduk yang lain tidak banyak berbeza. Namun, dalam masyarakat perindustrian di bandar, pekerjaan tertumpu pada bidang industri sekunder (*secondary industry*) dan industri peringkat ketiga (*tertiary industry*). Di samping itu, pengkhususan pekerjaan pula amat kompleks dan rumit. Pendapatan penduduk di bandar jauh berbeza, iaitu mengikut taraf pekerjaan yang tinggi dan yang rendah. Hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terhadap mereka yang belum berkahwin menunjukkan bahawa sebanyak 31.4 peratus lelaki dan 30 peratus wanita di Malaysia menganggap kerjaya adalah segala-galanya bagi mereka (Muhamad Rafiq, 2011). Kos hidup di bandar yang semakin tinggi meletakkan kerjaya pada kedudukan pertama sebagai “jaminan” keselesaan hidup. Oleh itu, orang muda yang hidup di bandar berlumba-lumba mengukuhkan kerjaya terlebih dahulu sebelum berumah tangga. Menurut salah seorang responden yang digelar Cik M yang merupakan graduan Universiti Malaya dan kini seorang peguam memaklumkan bahawa beliau belum berjumpa jodoh lagi meskipun umurnya telah mencecah 30 tahun. Menurutnya, walaupun ibu bapanya berharap beliau cepat berkahwin, namun mereka tidak pula memaksanya kerana mereka memahami pemikiran generasi kini yang berbeza daripada generasi dahulu. Menurut beliau lagi, “Saya akan mementingkan kerjaya dulu sebelum memikirkan soal perkahwinan”.

Dari segi pendidikan, seseorang itu berpeluang memiliki kerjaya yang lebih mencabar dan bergaji tinggi jika mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Haslina dan Ann (1995) mengatakan bahawa sistem pelajaran di Malaysia pada masa ini jauh berbeza daripada dahulu. Sikap anggota masyarakat di bandar lebih cenderung untuk memperbaiki kedudukan ekonomi melalui kejayaan dalam bidang akademik. Demi memburu masa hadapan yang lebih baik, mereka terpaksa menyetepikan dahulu soal mendirikan rumah tangga, lebih-lebih lagi bagi golongan wanita. Jika dibandingkan dengan masa dahulu, kini mereka mendapat peluang yang lebih baik dalam pendidikan dan dapat melanjutkan pelajaran hingga peringkat yang paling tinggi. Pendidikan tinggi membolehkan kaum wanita hidup berdikari dan terpaksa menanggungkan perkahwinan.

Faktor kewangan turut menyumbang fenomena lambat berkahwin. Menurut hasil kajian LPPKN, sebanyak 32.3 peratus daripada 1192 orang responden mengatakan bahawa kedudukan kewangan merupakan faktor utama yang menyebabkan mereka terpaksa menangguhkan hasrat untuk mendirikan rumah tangga. Tidak dapat dinafikan, di bandar, kedudukan kewangan berkait rapat dengan kos hidup yang tinggi yang memerlukan kewangan yang stabil dan lebih terjamin (Muhamad Rafiq, 2011). Bagi mereka yang belum memperoleh pekerjaan dan pendapatan yang mencukupi, terutamanya kaum lelaki sudah tentu mereka sukar untuk berkahwin. Hal ini dikatakan demikian kerana perkahwinan merupakan suatu tanggungjawab yang besar untuk menyara kehidupan isteri dan anak. Tambahan pula, wanita pada hari ini perlu memikirkan pelbagai faktor sebelum bersetuju untuk menjalinkan ikatan perkahwinan. Salah satu faktor penting yang dipertimbangkan, termasuklah kemampuan pihak lelaki dari segi kewangan.

### **Jarak Umur Suami Isteri**

Orang Melayu yang tinggal di luar bandar pada masa dahulu berpegang kuat pada nilai yang diwarisi dari generasi ke generasi. Seperti yang telah dinyatakan dalam masyarakat Melayu tradisi, ibu bapa bertanggungjawab untuk mencari calon yang sesuai untuk anak mereka. Dalam proses pemilihan pasangan, ibu bapa dan masyarakat Melayu amat mementingkan sekufu pasangan yang bakal menjadi suami isteri, termasuklah dari segi umur. Biasanya, jarak umur antara pasangan untuk perkahwinan pertama hendaklah tidak jauh berbeza. Walau bagaimanapun, orang Melayu di bandar yang mencari pasangan atas pilihan sendiri tidak lagi mementingkan soal umur.

Antara 43 pasangan perkahwinan pertama, terdapat tiga pasangan yang isterinya lebih tua daripada suami. Dua pasangan tersebut mempunyai perbezaan umur yang tidak begitu ketara, iaitu hanya satu atau dua tahun sahaja berbanding dengan jarak umur pasangan ketiga sebanyak tujuh tahun. Fenomena ini sudah tidak asing lagi dalam masyarakat Melayu, jika seorang suami mendapat isteri yang agak tua sedikit daripadanya kerana suami itu akan dijaga dengan baik dan dimanjakan oleh isteri seperti yang tergambar dalam peribahasa Melayu, iaitu “alangkah baik berbini tua, perut kenyang pengajaran datang”. Antara 40 pasangan yang suaminya lebih berusia daripada isteri adalah sebanyak 14 pasangan (35 peratus) yang mempunyai perbezaan umur antara enam hingga 10 tahun (seperti dalam Jadual 2). Jelasnya, perbezaan umur antara suami dengan isteri di bandar telah mencatatkan peningkatan. Dapatan ini bertentangan dengan hipotesis teori pemodenan keluarga yang mengatakan bahawa jarak umur antara pasangan di bandar menjadi semakin kecil.

**Jadual 2** Jarak umur suami responden yang lebih berusia.

Jarak Umur	Bilangan Pasangan Suami Isteri	Peratus (%)
5 ke bawah	23	57.5
6-10	14	35.0
11-15	2	5.0
20 ke atas	1	2.5
Jumlah	40	100.0

Pada masa ini, perempuan Melayu lebih berminat untuk bercinta dan berkahwin dengan lelaki yang lebih berusia. Senario ini didorong oleh zaman yang serba canggih dan kos hidup yang semakin tinggi di bandar. Perempuan Melayu di bandar amat mementingkan masa depan, serta mahukan jaminan hidup dan kesenangan kerana keadaan hidup di bandar yang penuh dengan tekanan. Bak kata pepatah, “Tua-tua keladi, semakin tua semakin berisi, tua-tua lelaki, semakin tua semakin menjadi”. Lelaki berusia yang benar-benar matang dan stabil dari segala aspek merangkumi kewangan, kedudukan, hubungan emosi, dan sebagainya dapat memenuhi keperluan seseorang perempuan, baik dari segi kebendaan mahupun kerohanian. Tambahan pula, lelaki berumur lebih banyak “makan garam” dan mampu membimbing isteri dengan lebih baik dalam pelbagai aspek, seperti agama berbanding dengan lelaki muda yang masih mentah.

Dalam kajian ini juga terdapat sepasang suami isteri yang mempunyai jarak umur yang ketara, iaitu sebanyak 29 tahun. Responden yang digelar Puan S yang berusia 40 tahun merupakan seorang suri rumah, manakala suaminya yang berumur 69 tahun telah lama bersara tetapi terpaksa bekerja sebagai pengawal keselamatan untuk menanggung keluarga. Mereka berkahwin semasa Puan S berusia 23 tahun, manakala umur suaminya telah mencecah 50 tahun. Perkahwinan mereka atas dasar pilihan sendiri dan merupakan perkahwinan pertama bagi mereka berdua. Puan S mengakui sanggup berkahwin dengan lelaki yang berumur kerana lelaki tersebut bersikap penyayang, penyabar dan boleh membimbing. Menurut Puan S lagi, “Orang muda kan panas baran sikit, dia *cool*, bila dia *cool* kita pun *cool* juga”. Walau bagaimanapun, trend wanita yang lebih cenderung memilih lelaki berusia telah memberikan tekanan kepada remaja lelaki yang tidak berharta dan kurang pengalaman. Hal ini menyebabkan fenomena umur lelaki berkahwin lambat semakin meningkat.

## Bentuk Keluarga

Dari segi bentuk keluarga pula, keluarga asas merupakan jenis keluarga Melayu yang paling dominan di bandar (Lihat Jadual 3). Terdapat sebilangan besar keluarga, iaitu 42 keluarga (89.4 peratus) merupakan keluarga asas, iaitu ibu bapa tinggal bersama-sama anak yang masih bujang. Hanya tiga buah keluarga sahaja didapati merupakan keluarga luas. Dalam satu kes, pasangan suami isteri tinggal bersama-sama dengan ibu bapa suami, manakala dua lagi keluarga luas terdiri daripada pasangan suami isteri, anak dan ibu bapa isteri yang telah tua dan uzur.

**Jadual 3** Bentuk keluarga Melayu di bandar.

Jenis Keluarga	Bilangan Keluarga	Peratus (%)
Keluarga Asas	42	89.4
Keluarga Luas	3	6.4
Lain-lain <sup>2</sup>	2	4.3
Jumlah	47	100

Tidak dapat dinafikan bahawa sistem keluarga luas di bandar yang dianggap sebagai sistem keluarga tradisional telah terhakis dan beransur-ansur diganti oleh sistem keluarga asas. Parsons (1943) menegaskan bahawa perubahan tersebut merupakan suatu keperluan supaya sistem keluarga dapat menyesuaikan diri dengan proses perindustrian dan perbandaran. Dalam sistem keluarga asas, setiap pasangan suami isteri mempunyai tempat tinggal sendiri dan pembentukan keluarga ini kurang mengenakan sekatan dalam mobiliti geografi berbanding dengan sistem keluarga yang lain. Hal ini bersesuaian dengan corak pekerjaan di bandar yang memerlukan individu secara idealnya mudah bergerak dan bekerja. Di samping itu, sistem keluarga asas yang menekankan hubungan emosi dalam rumah tangga lebih memenuhi keperluan emosi individu (Goode, 1964).

Selain itu, faktor kewangan juga merupakan salah satu punca yang menyebabkan keluarga luas jarang-jarang wujud di bandar. Kos hidup yang tinggi di bandar membebaskan seseorang untuk menyediakan satu ruang yang cukup besar lagi selesa untuk sebuah keluarga luas yang ramai. Perkara ini tidak semudah di luar bandar kerana terdapat banyak tanah dan kos hidupnya rendah. Pasangan yang telah berkahwin tetapi tinggal bersama-sama ibu bapa suami atau isteri sering dianggap tidak boleh berdikari kerana mereka masih dikawal oleh ibu bapa sama ada dari segi ekonomi atau tingkah laku harian. Lantaran itu, pembentukan keluarga asas merupakan satu kaedah untuk membebaskan pasangan muda daripada kongkongan ibu bapa dan boleh membuat keputusan dalam urusan rumah tangga.

Perlu ditegaskan bahawa kewujudan sistem keluarga asas bukan bermakna keluarga tersebut merenggangkan hubungan atau tiada hubungan langsung dengan kaum kerabat yang lebih luas. Menurut kajian di Britain dan Amerika Syarikat, iaitu dua negara yang paling tinggi taraf perindustriannya, setiap unit keluarga asas terus mengekalkan hubungan dengan bilangan saudara-maranya yang ramai. “Cara hiburan” yang paling mudah dan kerap dilakukan adalah seperti mengunjungi saudara-mara (Goode, 1964:51). Dapatan kajian di lima bandar perindustrian di China baru-baru ini juga menyokong pandangan tersebut. Keluarga asas di bandar China didapati mempunyai hubungan yang erat dengan kaum kerabatnya. Mereka selalu memberikan sokongan kepada saudara-mara yang meminta bantuan sama ada dari segi ekonomi atau bukan ekonomi (Ma dan Li, 2013).

Dalam masyarakat Melayu di bandar, keadaannya sama seperti yang berlaku di negara tersebut, iaitu keluarga asas Melayu di bandar mempunyai hubungan yang rapat dengan sanak-saudara, baik di bandar yang sama mahupun di kampung asal. Selain mempunyai kenderaan persendirian, di bandar terdapat kenderaan awam yang mudah didapati seperti bas ekspres, kereta api, kereta sewa atau teksi yang memudahkan masyarakat Melayu di bandar pulang ke kampung asal untuk melawat ibu bapa. Saudara-mara di luar bandar juga selalu menziarahi saudara yang menetap di bandar. Hakikatnya, keluarga asas Melayu di bandar menjadi tempat untuk kaum kerabat di luar bandar berkunjung dan menumpang di rumah mereka, jika sanak-saudara berkunjung ke bandar. Misalnya Puan S yang berasal dari Kelantan dan adik-beradiknya yang tinggal di kampung datang ke bandar pada setiap tahun. Menurut Puan S, “Apabila mereka datang ke sini, mereka menumpang di rumah saya. Lazimnya, jumlah saudara- mara yang datang adalah sebanyak tujuh orang dan tempoh lawatan pula selama dua atau tiga hari sahaja”.

## **KESIMPULAN**

Pembentukan keluarga Melayu di bandar telah banyak mengalami perubahan jika dibandingkan dengan pembentukan keluarga Melayu dalam masyarakat tradisi. Hasil kajian menunjukkan bahawa perubahan tersebut mempunyai ciri persamaan yang tersendiri berbanding dengan pengalaman negara industri di Barat.

Kajian mendapati perubahan dari segi cara memilih pasangan, umur berkahwin dan bentuk keluarga adalah selaras dengan hipotesis teori pemodenan keluarga. Kepelbagaian penduduk dan sifat ketanpanamaan di bandar telah menyebabkan jumlah pasangan yang berkahwin atas pilihan sendiri terus meningkat, manakala kuasa ibu bapa untuk memilih pasangan anak semakin berkurangan. Umur berkahwin

bagi orang Melayu di bandar semakin meningkat kerana tiga faktor utama, iaitu pekerjaan, pendidikan dan kewangan. Oleh sebab kehidupan di bandar menuntut kos hidup yang tinggi, maka setiap individu amat bergantung pada pekerjaan untuk menyara hidup. Bagi mendapatkan gaji yang lumayan, seseorang itu mestilah mempunyai kemahiran tertentu. Oleh sebab itu, masa untuk melanjutkan pelajaran serta mengukuhkan kerjaya dan kewangan telah menyebabkan umur berkahwin semakin meningkat, khususnya bagi golongan wanita. Bagi menyesuaikan diri dengan kehidupan di bandar, bentuk keluarga asas telah menjadi semakin dominan di bandar.

Walau bagaimanapun, faktor jarak umur pasangan Melayu tidak menjadi semakin kecil seperti yang dinyatakan oleh teori pemodenen keluarga yang telah diuji benar di negara Barat. Bagi orang Melayu di bandar, jarak umur tidak lagi menjadi faktor utama apabila mencari jodoh kerana keperibadian, kedudukan ekonomi dan keserasian antara satu dengan yang lain lebih penting untuk mendirikan rumah tangga. Bagi golongan wanita, tekanan dan cabaran hidup di bandar menyebabkan mereka lebih suka mencari lelaki berumur yang telah stabil dan matang dari segi ekonomi, pekerjaan, emosi, dan sebagainya.

Walaupun pembentukan keluarga Melayu di bandar telah mengalami perubahan, namun nilai tradisi orang Melayu masih memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, tradisi dan moden tidak bertentangan dalam kehidupan orang Melayu di bandar tetapi saling melengkapi dan harmoni. Sungguhpun suasana di bandar yang moden dan terbuka menyediakan banyak peluang untuk orang Melayu “membina masjid” atas pilihan sendiri, namun pandangan dan nasihat orang tua masih penting untuk memilih pasangan. Selain itu, perkahwinan yang diatur oleh orang tua juga didapati masih wujud di bandar kerana menghormati dan mengakui kebijaksanaan orang tua kerana telah menjadi norma orang Melayu sejak turun-temurun dan tidak akan berubah dengan begitu mudah. Walaupun keluarga asas merupakan bentuk keluarga yang paling popular di bandar, namun orang Melayu yang mengutamakan hubungan silaturahim sejak dahulu lagi masih mengekalkan hubungan rapat dengan sanak-saudara sama ada yang tinggal di bandar atau di kampung. Mereka kunjung-mengunjungi antara satu dengan yang lain dan menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk kepada sanak-saudara yang memerlukan bantuan.

Kesimpulannya, perubahan pembentukan keluarga Melayu di bandar, mengulangi pengalaman negara Barat dan mempunyai ciri yang tersendiri. Meskipun perindustrian dan perbandaran membawa perubahan yang mendadak kepada pembentukan keluarga Melayu di bandar, peranan dan pengaruh, serta nilai dan norma tradisi Melayu yang diwarisi turun-temurun masih tidak berubah dan dipertahankan oleh komuniti di bandar.



## NOTA HUJUNG

- 1 Perbincangan tentang umur berkahwin ini hanya melibatkan responden yang berkahwin buat pertama kali sahaja, iaitu sebanyak 43 pasangan.
- 2 Didapati satu keluarga ditumpangi oleh tiga orang adik-beradik suami, manakala satu keluarga lagi ditumpangi oleh abang dan anak buah isteri.

## RUJUKAN

- Baber, Ray E., 1953. *Marriage and the Family*. Edisi Kedua. New York: McGraw-Hill Book Company, Inc.
- Banks, D. J., 1983. *Malay Kinship*. Philadelphia: Institute for The Study of Human Issues, Inc.
- Djamour, Judith, 1979. *Kekeluargaan dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Firth, Rosemary, 1966. *Housekeeping Among Malay Peasants*. Edisi Kedua. London: The Athlone Press.
- Gold, Harry, 2002. *Urban Life and Society*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Goode, William J., 1964. *The Family*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Haslina Haji Hassan dan Ann Wan Seng, 1995. *Wanita dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma Chunhua dan Li Yinhe, 2013. *Family Change in Urban Areas of China During Social Transformation: Based on the Survey in Five Cities*. Beijing: Social Sciences Academic Press.
- Masuo Kuchiba *et al.*, 1979. *Three Malay Villages: A Sociology of Paddy Growers in West Malaysia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Muhamad Rafiq Abdul Rahman, "Mengapa Mereka Kahwin Lewat?" dlm. *Dewan Masyarakat* 49:7, Julai 2011.
- Parsons, T., "The Kinship System of the Contemporary United States" dlm. *American Anthropologist* 45:1, hlm. 22, 1943.
- Strange, Heather, "Continuity and Change: Patterns of Mate Selection and Marriage Ritual in a Malay Village" dlm. *Journal of Marriage and Family* 38:3, hlm. 561, 1976.
- Swift, M. G., 1965. *Malay Peasant Society in Jelebu*. New York: Humanities Press.
- William A. Faunce, 1968. *Problems of an Industrial Society*. New York: McGraw-Hill.
- Wirth, Louis, 1938. "Urbanism as A Way of Life" dlm. Albert J. Reiss, Jr. (ed.). *On Cities and Social Life*. Chicago: University of Chicago Press, hlm. 60.
- Yaacob Harun, 1995. *Keluarga dan Perkahwinan Melayu: Konsep Asas*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainal Kling, 1969. "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara". Disertasi Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.